

~~UCAPAN - ADHD
327- 95/79
228 - 150/78~~

47

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI MAJLIS
KURSUS SIVIK DI MAKTAB KASTAM,
BUKIT BARU, MELAKA, PADA HARI
ISNIN 3HB. JULAI, 1978,
JAM 11.00 P A G I.

1. Yang Amat Berhormat, Ketua Menteri Melaka,
Datuk Setia Haji Abdul Ghani Ali.
 2. Yang Berhormat, Dato Musa Hitam,
Menteri Pelajaran.
 3. Yang Berhormat, Tan Sri Chong Hon Nyan
Menteri Kesihatan.
 4. Yang Berusaha, Setiausaha Kerajaan Melaka.
 5. " " *Penganjur Kursus Sivik. Dato Zakari Rashid. Penibalan Pengerusi Jabatan Penerangan Melaka.*
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.
-

Saya mengucapkan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada penganjur Kursus Sivik, kerana memberi kesempatan kepada saya menemui peserta-peserta, dan seterusnya menyampaikan sepatah dua kata, kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

2. Saya difahamkan bahawa pada pagi ini, dan puan-puan tuan-tuan/telahpun mendengar ceramah mengenai pilihanraya, dan juga mengenai kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan Barisan Nasional. Saya hanya hendak menegaskan di sini, mengenai hasrat dan azam Kerajaan Barisan Nasional, meningkatkan lagi kemajuan, kesetabilan dan kemakmuran ini, supaya rakyat berbilang kaum, dapat terus hidup dalam aman dan bahagia. Segala apa yang hendak kami laku dan laksanakan, telah disiarkan dengan luasnya, dalam manifesto kami.

3. Di samping itu, sebagaimana yang telah saya nyatakan di Kangar, dan tegaskan lagi di-
Jinjang, Kuala Lumpur, baru-baru ini, bahawa jika diberi mandat baru, kami akan menubuhkan sebuah Kerajaan yang berjiwa rakyat, benar-benar berkhidmat kepada rakyat, mengutamakan kepentingan dan kebajikan rakyat, serta bersungguh-sungguh dengan segala kemampuan dan keupayaan, membawa dan seterusnya meningkatkan ke amanan, kemakmuran, keadilan sosial dan kehidupan yang lebih baik bagi semua.

4. Kerajaan Barisan Nasional ^{sentiasa} ~~adalah~~ mementingkan rakyat miskin, dan golongan yang berpendapatan rendah. Matalamat Kerajaan ini, adalah jelas terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru, yang bertujuan mengurang dan seterusnya membasmi kemiskinan rakyat berbilang kaum, serta menyusun semula masyarakat, supaya pengenalan kaum mengikut kedudukan ekonomi, ^{kawasan} ~~tempat kediaman~~ dan pekerjaan, dapat terus di hapuskan.

5. Rancangan Malaysia Kedua dan seterusnya sekarang ini Rancangan Malaysia Ketiga, yang kedua-duanya berasaskan Dasar Ekonomi Baru,

mempunyai matalamat ini. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa berazam menjayakan matalamat ini, dengan adil dan saksama, supaya setiap rakyat dapat menikmati sepenuhnya faedah dan kesannya. Inilah faktor utama ^{yang} mengeratkan perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat berbilang kaum.

6. Sapertimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, teras politik yang di dokong hari ini, adalah bercorak perpaduan. Dengan tujuan inilah, ^{Barisan nasional} ~~kita~~ telah dapat membentuk sebuah Kerajaan yang berpegang teguh kepada perpaduan ^{negara.} ~~negara~~

~~negara, iaitu Kerajaan Barisan Nasional.~~

Beberapa ~~parti-parti~~ politik di negara ini telah sedar, bahawa dalam masyarakat berbilang kaum, Barisan Nasional yang telah diberi mandat mentadbirkan negara, bertanggungjawab terus untuk mewujudkan satu masyarakat yang adil dan bersatu-padu. Inilah hakikat yang telah dipersetujui oleh semua rakyat jelata, dan juga parti-parti politik ~~di Malaysia~~ yang bergabung di bawah naungan Barisan Nasional. Memandangkan demikian, Dasar Ekonomi Baru telah dilancarkan, bagi membentuk corak dan susunan baru, dalam bidang pembangunan dan pertumbuhan ekonomi.

7. Semenjak pelancaran Dasar Ekonomi Baru, usaha Kerajaan adalah untuk meninggikan lagi taraf ekonomi rakyat, serta membaiki lagi keadaan hidup rakyat yang miskin dan dhaif, di-kawasan-kawasan bandar dan di luarbandar, tanpa mengira kaum. Banyak kejayaan telah di capai. Kerajaan Barisan Nasional akan terus melaksanakan rancangan-rancangan mengikut keutamaannya, bagi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

8. Sebagaimana yang telah selalu saya jelas dan tegaskan, bahawa Kerajaan Barisan Nasional

dalam pelaksanaan projek-projeknya, tidak akan
 meninggal atau mengenyepikan satu-satu golongan
 atau kaum. Semua rancangan Kerajaan, ^{secara langsung atau} adalah ^{tidak} ^{langsung}
menguntungkan setiap kaum. Semua rancangan
 memberikan nikmat kepada semua yang mengambil
 bahagian. ~~Kerajaan Barisan Nasional tidak~~
~~sekali-kali memilah kasih.~~ ~~Setiap rakyat~~
~~di beri layanan dan kemudahan yang sama.~~

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

9. Bagi Negeri Melaka ini, Kerajaan
 Barisan Nasional Persekutuan telah pun
 menyediakan peruntukan sejumlah lebih daripada

\$330 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, bagi melaksanakan projek-projek dalam semua bidang-bidang ekonomi dan sosial. Sebanyak \$70 juta, telah dikhaskan untuk projek-projek pertanian dan pembangunan luarbandar, dan sebanyak lebih dari \$100 juta, telah diperuntukkan bagi projek-projek perdagangan dan perusahaan, pengangkutan dan perhubungan. Tidak ketinggalan juga, peruntukan sebanyak \$56 juta, telah dikhaskan untuk projek-projek Kemudahan Awam, seperti Bekalan Letrik Luarbandar dan Bekalan Air.

10. Selepas Kajian Pertengahan Penggal

Rancangan Malaysia Ketiga, Insya Allah, peruntukan tambahan akan diberi kepada Negeri Melaka, jika jentera pelaksanaannya, mempunyai keupayaan yang lebih meningkat, untuk melaksanakan projek-projek tambahan ini, terutamanya rancangan yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

11. Sesungguhnya, Negeri Melaka mempunyai masa hadapan yang cerah. Jentera Kerajaan yang wujud, memanglah sentiasa bersedia melaksanakan projek-projek yang boleh mendatangkan menafaat kepada rakyat jelata. Sebilangan daripada

kejayaannya, dapat dilihat sendiri di bandar Melaka, dan bandar-bandar lain di Negeri ini.

12. Benarkanlah saya menggambarkan sedikit, rancangan-rancangan yang telah Kerajaan Barisan Nasional rancangkan bagi Negeri Melaka ini.

Pertamanya, Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.

Saya percaya, ^{puan-puan} ~~tuan-tuan~~ dan / sekelian, dapat melihat banyak projek ~~projek~~ perumahan, yang telah dan sedang dilaksanakan, di beberapa tempat di negeri ini. Bagi rancangan perumahan awam kos rendah, di bawah Rancangan Malaysia

Ketiga, peruntukan sebanyak lebih daripada

\$17 juta, telah diluluskan bagi Negeri Melaka.

Sejumlah 2,275 yunit rumah jenis ini, akan
di bina. Peringkat kemajuan yang telah dicapai
setakat ini, sangatlah menggalakkan.

13, Di samping itu, di bawah projek-projek
perumahan harga rendah, yang ditadbirkan oleh
Syarikat Perumahan Malaysia Berhad, sebanyak
4 projek akan dilaksanakan ^{yang berjumlah} ~~bagi sejumlah~~ 660 yunit
ialah
rumah harga rendah. Diantaranya/kawasan Taman
Bunga Raya, Ayer Keroh Height dan Alor Gajah,
yang akan memelan belanja sebanyak \$8 juta.

Di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga,
susun

rancangan telahpun di/ bagi melaksanakan 24

projek perumahan kos rendah yang lain, ^{yang berjumlah} ~~bagi~~

lebih dari 2,000 unit rumah kos rendah. Per-

untukan lebih dari \$16 juta sedang ditimbang

oleh Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan.

Projek-projek perumahan kos rendah ini, sudah

tentu akan dapat menampung keperluan rakyat

berpendapatan rendah di Negeri Melaka. ~~Saya~~

~~penuh yakin, setiap rakyat yang berkelayakan~~

~~akan mempunyai peluang memiliki rumah sendiri.~~

..14/-

14. Oleh yang demikian, bagi membolehkan projek dan rancangan ini dijayakan, Kerajaan Barisan Nasional memerlukan mandat baru dari rakyat. Bagi Negeri Melaka, adalah penting rakyat memastikan, supaya wakil-wakil rakyat mereka, terdiri dari mereka yang mempunyai persefahaman dengan Kerajaan Barisan Nasional.
mustahak,
Ini adalah ~~penting~~ supaya setiap projek yang telah dirancang, dapat dilaksanakan, dan yang sedang dilaksanakan tidak akan tergendala.

15. Pengalaman Kerajaan Barisan Nasional dimasa-masa yang lalu, membuktikan bahawa

Wakil-wakil Rakyat dari parti-parti lawan, tidak
 hendak bekerjasama dengan Kerajaan Barisan
 Nasional, ~~dan~~ oleh yang demikian, usaha ^{Kerajaan} ~~kerjasama~~
 Barisan Nasional membawa kemudahan atau menyampai
 kemajuan dan kemakmuran kepada rakyat, tidak
 dapat dijalankan. / ^{Rakyat dari} Kawasan-kawasan dimana
 Wakil-wakil Rakyat mereka, terdiri dari anggota
 parti-parti lawan, tidaklah dapat menikmati
 sepenuhnya dari rancangan dan projek kemajuan itu.

16. Saya harap, tuan-tuan dan puan-puan
 sekalian, dapatlah menjelaskan hakikat ini
kepada rakyat, supaya mereka benar-benar faham

dengan kesulitan yang ditimbulkan oleh Wakil-wakil Rakyat dari parti lawan² *itu.* Saya sukalah memberi jaminan kepada rakyat Negeri Melaka, bahawa jika Kerajaan Barisan Nasional diberi mandat baru yang menyeluruh, Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan, akan terus memberi perhatian sepenuhnya, kepada keperluan rakyat di negeri ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

17. Di samping projek perumahan kos rendah *yang saya sebutkan itu,* di atas, berbagai projek-projek lain, juga telah

dirancang ^{sesuana} ~~bagi~~ Negeri Melaka. Sehingga bulan Mac, 1978 ini, sebanyak 14 projek kesihatan, yang menelan belanja \$3 juta, telah dan sedang dilaksanakan. Kesemuanya, adalah rancangan-rancangan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Diantaranya ialah, projek Klinik Desa dan Klinik Pergigian. Projek seperti ini, dijangka akan ^{dariada} memberi faedah kepada lebih 25,000 orang ~~penduduk~~ penduduk berbilang kaum di Negeri Melaka. *ini*.

18. Dalam bidang Pertanian pula, 9 agensi Kerajaan Barisan Nasional, sedang melaksanakan

71 projek yang memakan belanja lebih dari \$23 juta. Di bawah Sektor ini, termasuklah Rancangan Pembangunan Pekebun Kecil Kelapa, *Kerajaan negeri melaka* yang telah diberi peruntukan lebih dari \$2 juta. Selaras dengan tujuan Kerajaan, meningkatkan kadar pengeluaran hasil tanaman-tanaman kontan, Lembaga Pertubuhan Peladang telah diberi peruntukan lebih dari \$1.3 juta bagi tahun ini sahaja. FELDA pula, akan terus membuka tanah seluas 5,000 ekar di Hutan ^{*Percha*} Percha dan Bukit Senggeh, yang akan menelan belanja *sebanyak* \$5 juta. Sementara itu, FELCRA pula akan

terus melaksanakan projeknya atas kawasan seluas 4,000 ekar, dengan belanja sebanyak \$5 juta.

19. Kesemua projek dan rancangan yang telah saya sebutkan ^{ini,} ~~tadi~~, memanglah ditujukan khusus kepada rakyat yang berpendapatan rendah, di bandar dan di kawasan-kawasan luar bandar. Pihak Lembaga Elektrik Negara pula, akan terus memesatkan rancangan bekalan elektrik luarbandar mereka, dengan melaksanakan 34 projek berharga \$3.5 juta. Projek-projek ini, akan memberi menafaat kepada sejumlah ^{orang} 15,000 penduduk-~~penduduk~~ luarbandar. Rancangan

bekalan air luarbandar, ^{yang} ~~dengan~~ memakan belanja sebanyak \$6 juta, akan dilaksanakan sebelum penghujung tahun ini. Rancangan ini, akan memberi faedah kepada penduduk-penduduk di-126 buah kampung-kampung.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

20. Masa hadapan Negeri Melaka sebagai sebuah negeri perindustrian, adalah cerah, memandangkan potensi-potensi memajukan dengan pesatnya, projek perindustrian yang sedia ada. Sebagaimana yang dapat kita semua perhatikan,

ada 7 buah kawasan perindustrian yang jumlah luas kawasannya hampir 600 ekar, telah dibuka setakat ini. Kemajuan yang telah dicapai adalah memuaskan. Dua daripada kawasan tersebut, iaitu Batu Berendam dan Tanjung Kling, telah diberi taraf sebagai Zon Perdagangan Bebas. Dengan galakan seperti ini, saya percaya, lebih ramai lagi pengusaha-pengusaha, akan menyertai kegiatan ekonomi dan perdagangan di Negeri Melaka ini.

21. Berbalik kepada apa yang telah saya sebutkan tadi, iaitu dengan mandat baru yang


...22/-

menyeluruh, Barisan Nasional akan dapat menubuhkan
~~melaka~~
sebuah Kerajaan baru Negeri Melaka yang cekap,
 jujur dan progresif. ~~Kerajaan baru ini, akan~~
~~dianggotai oleh Wakil-wakil Rakyat Barisan~~
~~Nasional yang dinamik dan berkaliber, terdiri~~
~~dari golongan professional, yang mempunyai~~
~~penuh dedikasi dan tekad yang kuat, untuk~~
~~benar-benar berkhidmat kepada rakyat semua~~
~~kaum di Negeri Melaka ini.~~

22. Saya harap, dapatlah tuan-tuan dan
 puan-puan sekelian, menerangkan hakikat dan
~~ini,~~
 azam kami kepada rakyat Negeri Melaka, supaya

rakyat, khususnya pengundi-pengundi, dapat menggunakan undi mereka dengan bijak, demi kepentingan masa depan Negeri Melaka, dan seterusnya, bagi memastikan masa depan yang lebih terjamin bagi rakyat sekalian.

Terima kasih.



rakyat khususnya penduduk-penduduk dapat
 menggunakan undi mereka dengan bijak demi
 kepentingan masa depan negeri Malaka dan
 seterusnya, bagi memastikan masa depan yang
 lebih terjamin bagi rakyat sekalian.

Terima kasih



No. Siri	384
No. Penerimaan	48/79